

Juara silat terokai seni lakon

Oleh
ROSMIN DARUS

RUZAIDI Abdul Rahman, pernah meraih pingat emas dalam beberapa kejuaraan silat peringkat antarabangsa dan kini menerokai bidang baru yang mungkin boleh membawa kejayaan lebih besar lagi. **B. Harian (M)**

Antara pertandingan yang pernah dijua-rainya ialah Sukan Sea '89, Pesta Sukan Merdeka 1990 di Brunei, Kejuaraan Silat Olahraga Sedunia ke-5 di Amsterdam 1990 dan Kejuaraan Silat Olahraga Terbuka Malaysia 1990.


Berbekalkan kemahiran seni silat, Ruzaidi adalah pelakon baru berpotensi yang bakal menambat hati penonton tempatan meminati filem Melayu berunsur aksi. **17 OCT 1991**

Ruzaidi diperkenalkan oleh NR Production menerusi filem *Kelisa*. Dia membawa watak Nordin, banduan yang membantu Sara (Mahiza Bakri) membalas dendam kematian ayahnya.

Ruzaidi yang berasal dari Klang, Selangor, berjaya memaparkan lakonan yang baik walaupun baru pertama kali berlakon.

"Selepas Kejuaraan Terbuka Malaysia, Pesaka menerusi Setiausaha Agungnya, Rahman Hassan menghubungi saya. Dia minta saya ke pejabatnya tanpa memberitahu sebab.

"Setelah sampai barulah saya diberitahu tujuan saya dipanggil untuk menawarkan wa-



JUARA SILAT ... Ruzaidi dan Mahiza kini berlakon filem.

tak Nordin dalam filem *Kelisa*. Tanpa ujian, saya diterima berlakon," ujarnya.

Dia menerima tawaran itu sebagai usaha meneroka bidang baru bagi mengukur kemampuan diri.

"Saya masih tidak puas hati dengan lakonan dalam *Kelisa*. Banyak kelemahan terutama gerakan-gerakan yang saya rasa perlu dibaiki bagi mencantikkan lagi filem itu," katanya.

Ruzaidi bercadang terus berlakon dan mengekalkan identiti sebagai pelakon filem aksi.

"Malaysia tidak ramai pelakon filem aksi khususnya dalam bidang seni silat berban-

ding wira filem cinta," ujar jurulatih silat yang kini mengajar di Klang.

Sementara itu, *Kelisa* mungkin menjadi filem pertama dan terakhir Mahiza Bakri apabila dia mengambil keputusan mengundur diri daripada bidang seni lakon kerana tidak ada waktu. **17 OCT 1991**

Gadis yang sudah bertunang ini memegang watak utama sebagai Sara dalam *Kelisa*. Selain menjayakan watak seorang ahli perniagaan, Mahiza juga mempamerkan kemahirannya bersilat.

Dia pernah menduduki tempat ketiga dalam Pertandingan Silat Kebangsaan '88 dan tempat kedua Sukan

Malaysia di Perak pada 1989.

"Saya mungkin berhenti berlakon kerana tidak punya waktu, susah dapat cuti," kata Mahiza yang bertugas sebagai kerani di Fel-da, Kuala Lumpur.

Menurutnya, selepas *Kelisa* dia menerima banyak tawaran berlakon, namun semuanya ditolak atas alasan tidak ada waktu.

"Masa penggambaran *Kelisa* dulu saya ambil cuti tanpa gaji selama sebulan," ujarnya. **B. Harian (M)**

Mahiza bagaimanapun tidak merasa rugi meninggalkan bidang lakonan.

"Saya bukan mengejar *glamour*. Ia hanya hobi," katanya.

WAK tertarik hati membaca satu berita tentang Persisi dan Perwanit yang nak adakan seminar tentang silat secara berasingan dalam masa seminggu.

Cakap terus terang, Wak sebenarnya terkejut membaca berita itu. Antara percaya dengan tak percaya saja dibuatnya.

Wak percaya, Perwanit tentu ghairah untuk lihat berapa ramai orang yang akan hadir dalam seminar anjuran Persisi hari ini. **20 OCT 1991**

Begitu juga Persisi, tentu ghairah untuk lihat berapa ramai orang yang akan hadir dalam seminar anjuran Perwanit minggu depan nanti.

Mereka juga tentu akan bandingkan berapa banyakkah keputusan yang akan dibuat di akhir seminar-seminar itu nanti. Senarai siapakah yang lebih panjang? **Berita Minggu**

Wak fikir, perkara seperti ini tak seharusnya berlaku. Tapi, apa nak dikata, ia telah terjadi.

Jadi harapan Wak ialah mudah-mudahan ia tak akan berulang lagi pada masa depan. Kurang manislah orang tengok dari luar...

□ □ □ □ □